

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : TUAN R. SIVARASA [SUBANG]

TARIKH :

SOALAN :

Tuan R. Sivarasa minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan projeksi penjanaan tenaga menggunakan biomas, biogas, sisa pepejal perbandaran, mini hidro, solar dan sumber tenaga boleh diperbaharui lain bagi tahun-tahun 2015 hingga 2020.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Sasaran atau unjuran bagi penjanaan tenaga daripada tenaga boleh baharu di bawah Dasar dan Pelan Tindakan Tenaga Boleh Baharu dan Mekanisme FiT bagi tahun 2015-2020 adalah seperti berikut:

Tahun	Biomasa (MW)	Biomasa Sisa Pepejal (MW)	Biogas (MW)	Hidrokuasa Kecil (MW)	Solar PV (MW)	Jumlah Kumulatif (MW)
2015	330	200	100	290	65	985
2016	410	240	125	350	84	1,209
2017	500	280	155	400	105	1,440
2018	600	310	185	440	129	1,664
2019	700	340	215	470	157	1,882
2020	800	360	240	490	190	2,080

*Had bagi pemasangan di bawah Mekanisme FiT adalah di bawah 30MW.

2. Walau bagaimanapun, pencapaian bagi sasaran yang telah ditetapkan ini adalah bergantung kepada ketersediaan dana Kumpulan Wang Tenaga Boleh Baharu yang digunakan bagi menampung pembayaran bagi penjanaan TBB daripada pemasangan TBB di bawah FiT.
